

**KERATAN AKHBAR**



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	MUKA SURAT	:	19
TARIKH	:	22/7/2018			
JABATAN	:	PERHUTANAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Isu pembalakan diberi keutamaan

*Tengku Abdullah  
arah Jabatan  
Perhutanan Negeri  
tingkat dasar  
pemuliharaan hutan*

AIMAN SADIQ ABDULLAH

PEKAN



Tengku Abdullah berkenan bergambar bersama mahasiswa selepas Majlis Konvokesyen Kelima di Universiti DRB-HICOM, semalam.

**P**emangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah akan memberi keutamaan berkaitan isu pembalakan haram di negeri ini.

Baginda juga mengarahkan Jabatan Perhutanan negeri meningkatkan dasar dan program pemuliharaan semula hutan.

"Saya telah maklumkan kepada

perhutanan untuk membuat dasar berkaitan dan boleh mengadakan program seperti pemuliharaan semula hutan.

"Pembalakan juga salah satu sumber pendapatan negeri. Saya

harap penebangan hutan dapat dikurangkan secara berperingkat dan jangan berlebihan-lebih," titahnya pada sidang media sempena Majlis Konvokesyen Kelima di Universiti DRB-HICOM di sini, semalam.

Dalam pada itu, ditanya mengenai isu pembalakan di Janda Baik, baginda maklum mengenai perkara itu dan akan meneliti isu yang berlaku di kawasan pelancongan yang terkenal di Pahang.

"Isu pembalakan Janda Baik ini isu yang berterusan. Beri saya sedikit masa kerana belum terima laporan itu," titahnya.

*Sinar Harian* semalam melaporkan Kerajaan Persekutuan akan mengkaji semula projek pembinaan pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Hutan Lentang dekat Janda Baik yang mendapat bantahan berkaitan laluan mengelilingi kampung berkenaan.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Raja Puji projek berkata, pembinaan pencawang TNB akan diteliti semula termasuk melihat kembali laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) yang telah diluluskan.

Menurutnya, pihaknya akan menyerahkan kepada pakar membuat penilaian komprehensif termasuk cadangan laluan baharu atau keperluan laporan EIA baharu.